NAMA : _____ KELAS : _____

UNIT 10 BUNGA KEMBOJA EMAS

Seni tekat antara seni warisan negara kita yang masih kekal terpelihara. Seni tekat ini juga dikenali sebagai _____ atau suji timbul. Kraf ini sangat terkenal di _____, Perak. Tekat juga merupakan aksesori mewah dan dimiliki oleh golongan bangsawan ataupun keluarga diraja pada zaman dahulu.

Seni tekat lazim digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu seperti perkahwinan, peminangan, kelahiran, berkhatan dan khatam al-Quran. Orang yang mahir menekat ini dipanggil _____ atau tukang tekat.

_____ pada motif tekat timbul.

Kesatuan pada penyatuan unsur seni keseluruhan sarung bantal.

Rupa organik pada mempulur yang bermotifkan bunga pecah lima.

Kontra warna pada sarung bantal dengan motif tekat.

KBAT

Kenal pasti motif seni tekat yang dihasilkan sama ada flora atau fauna.

LIVEWORKSHEETS

Jenis Tekat

Tekat terbahagi kepada dua, iaitu tekat timbul benang emas dan tekat gubah.

Motif tekat menggunakan mempulur yang disulam dengan benang emas.

Motif disulam dengan benang berwarna-warni tanpa menggunakan mempulur dan adakalanya dihiasi manik.

Alatan Tekat Tradisional



INFORMASI

Hajah Azizah binti Muhd Yusof ialah Adiguru Kraf Tekatan Benang Emas yang telah dianugerahi pada tahun 2018. Beliau masih aktif menekat dan sering menerima tempahan eksklusif daripada pihak istana dan orang kenamaan sejak tahun 1950-an.

LIVEWORKSHEETS

Motif Tekat

Kebanyakan motif tekat dipengaruhi oleh alam sekeliling. Motif ini diilhamkan daripada _____. Antara motif yang menjadi pilihan penekat termasuklah bunga padi, bunga kekwa, bunga cempaka, bunga pecah lima, bunga melur dan rama-rama.

Bunga padi

_____

Bunga melur

_____

Bunga cempaka

_____

Teknik Sulaman Tekat

Mari belajar cara untuk menghasilkan tekat timbul. Secara asasnya, tekat menggunakan dua jenis benang, iaitu benang emas atau perak yang dililit pada geligin, manakala benang biasa yang menggunakan jarum.



Jahitan benang biasa menembusi bahagian bawah mempulur dan kain dasar untuk mengikat mempulur pada kain baldu.

Keratan rentas cara menekat

LIVEWORKSHEETS

Eksplorasi Tekat

Untuk membuat kraf tekat, pemilihan alat dan bahan gantian yang sesuai perlu dibuat agar hasil tekat yang dikehendaki dapat disulam dengan baik.

Permukaan Tekat	Bahan Tekat	Mempulur	Hasil Tekat
Kain baldu	Reben		
	Benang bulu kambing	Kad keras	
Kain guni		Kertas tebal	
Kain kapas			

LIVEWORKSHEETS